

16/10/2002

Syarikat Melayu majukan tanah rizab

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Sebuah syarikat pegangan Melayu akan ditubuhkan bagi memajukan Tanah Rizab Melayu yang terbiar di seluruh negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penubuhan syarikat milik penuh orang Melayu itu adalah antara cadangan yang akan dikemukakan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, kepada jemaah menteri, tidak lama lagi.

Katanya, jawatankuasa itu yang turut dianggotai Peguam Negara Datuk Seri Abdul Gani Patail kini pada peringkat akhir mengkaji pindaan undang-undang sedia ada termasuk Kanun Tanah Negara.

"Apa yang penting usaha membuat pindaan itu adalah dengan niat membolehkan kawasan Tanah Rizab Melayu dibangunkan dan pulangan ekonomi boleh diperolehi tuan tanah," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara ke 58 di Wisma Tanah di sini, hari ini.

Hadir sama, beberapa Menteri Kabinet, Menteri Besar dan ketua menteri atau wakil masing-masing.

Abdullah berkata, cadangan lain ialah membolehkan Tanah Rizab Melayu dicagarkan untuk tujuan mendapatkan pinjaman.

Katanya, jika peminjam tidak dapat membayar balik pinjaman itu, maka tanah yang dicagarkan itu akan dilelongkan kepada orang Melayu.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah juga berkata semua Menteri Besar dan Ketua Menteri diarah memastikan urusan pengambilan tanah bagi pelaksanaan projek pembangunan berjalan lancar sejajar dengan strategi pembangunan yang terkandung dalam Bajet 2003.

Katanya, seperti yang ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Bajet 2003 itu urusan pengambilan tanah harus diselesaikan segera supaya projek pembangunan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

"Kita tidak mahu lagi berlaku penangguhan projek untuk kepentingan rakyat hanya kerana urusan pengambilan tanah menghadapi masalah," katanya.

Abdullah juga berkata semua pembangunan di kawasan tanah tinggi negara, khususnya enam bukit peranginan terkenal, juga akan dikawal bagi mengelak kesan buruk terhadap alam sekitar seperti pencemaran, tanah runtuh dan hakisan.

Katanya, pembangunan itu hendaklah mematuhi strategi yang disyorkan dalam laporan kajian pasukan perunding yang dipersetujui Majlis Tanah Negara.

Kawasan terbabit ialah Bukit Fraser, Cameron Highlands dan Genting Highlands di Pahang; Bukit Bendera, Pulau Pinang, Gunung Jerai, Kedah dan Bukit Larut, Perak.

"Kawasan bukit di tempat lain seperti Gunung Ledang di Johor juga perlu mengikut panduan yang disyorkan pasukan perunding itu jika hendak dimajukan," katanya.

Mengikut laporan itu, Bukit Fraser diklasifikasikan sebagai tempat beristirehat atau bukit peranginan dengan pembangunannya dihadkan kepada pembangunan tidak pesat manakala Cameron Highlands sebagai pusat pelancongan agro serta warisan kebudayaan.

Genting Highlands diklasifikasikan sebagai kota hiburan, pembinaan institut pengajian dan penyelidikan serta kawasan perumahan manakala Bukit Bendera sebagai kawasan warisan kebudayaan, aktiviti pelancongan dan pembangunan yang menepati dengan peranannya.

Gunung Jerai dan Bukit Larut diklasifikasi sebagai kawasan habitat flora dan fauna.

Abdullah berkata, Majlis Tanah Negara juga menerima syor baik pulih kawasan berkenaan yang menghadapi kerosakan alam sekitar berikutan pembangunan yang tidak dikawal sebelum ini.

Beliau berkata, Majlis Tanah Negara juga bersetuju dengan cadangan Kementerian Pertanian supaya diwujudkan zon industri akuakultur di seluruh negara bagi mencapai sasaran pengeluaran akuakultur sebanyak 600,000 tan menjelang 2010.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri serta Kementerian Pertanian akan mengenal pasti tidak kurang daripada 20,000 hektar kawasan tanah bagi melaksanakan aktiviti akuakultur itu daripada kira-kira 50,000 hektar kawasan yang sesuai, termasuk tanah terbiar.

"Apabila kawasan itu dibangunkan untuk tujuan akuakultur ia mesti dikekalkan sebagai kawasan akuakultur dan tidak boleh ditukar kepada kawasan aktiviti lain," katanya.